

TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

Tempoh 24 hingga 28 Mac 2025

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
24.03.25 (Isnin) 10.30 pagi	CAB Cakaran Corporation Berhad (AGM)	Kumpulan merancang untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran serta mengurangkan pembaziran dalam rantai nilaianya bagi memastikan kelestarian jangka panjang. Dalam usaha mengembangkan rangkaian pengedarannya, Kumpulan berhasrat untuk membuka 12 cawangan pasar raya baharu pada tahun 2025. Selain itu, untuk memanfaatkan sumber dengan lebih baik, Kumpulan akan memberikan tumpuan terhadap pengeluaran daging yang diproses dengan membuka sebuah kilang baharu di Nibong Tebal. Kilang ini dijangka memulakan operasi pada suku kedua 2025 dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 1,500 tan sebulan.
24.03.25 (Isnin) 11.30 pagi	Axiata Group Berhad (EGM)	Axiata bercadang untuk menggabungkan anak syarikatnya di Indonesia, XL Axiata, dengan Smartfren dan Smart Telecom bagi membentuk sebuah syarikat telekomunikasi yang lebih kukuh. Gabungan ini bertujuan meningkatkan kecekapan operasi, memperluas liputan rangkaian dan mengukuhkan daya saing di Indonesia. Axiata akan menjual sebahagian daripada pegangan sahamnya untuk menyeimbangkan pemilikan dengan syarikat induk Smartfren, Sinar Mas.

		Pemegang saham XL dan Smartfren yang menolak cadangan ini boleh menjual semula saham mereka menerusi pelan pembelian balik saham dengan had tertentu.
25.03.25 (Selasa) 10.00 pagi	Wong Engineering Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM36.61 juta pada tahun kewangan berakhir 2024, merosot 30.52% berbanding RM52.69 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Penurunan ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada segmen Kejuruteraan Ketepatan, berikutan permintaan yang lemah daripada pelanggan semikonduktor serta sektor elektrik dan elektronik (E&E) sepanjang tahun. Selain itu, sumbangan yang minimum daripada segmen Pembinaan & Pembangunan Hartanah turut memberi kesan kepada pendapatan keseluruhan.</p>
25.03.25 (Selasa) 10.00 pagi	Mynews Holdings Berhad (AGM)	<p>Mynews kembali mencatatkan keuntungan pada tahun kewangan 2024 selepas mengalami kerugian selama empat tahun berturut-turut sejak tahun kewangan 2020. Kumpulan ini meraih pendapatan sebanyak RM804.20 juta, meningkat sebanyak RM73.96 juta atau 10.1% berbanding dengan RM730.24 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh pembukaan cawangan baharu, kepelbagai produk yang lebih baik serta prestasi jualan dalam kedai yang lebih kukuh. Keuntungan bersih melonjak kepada RM8.71 juta, berbanding dengan kerugian bersih sebanyak RM15.4 juta pada tahun sebelumnya.</p>
25.03.25 (Selasa) 02.00 petang	Dataprep Holdings Berhad (EGM)	<p>Dataprep berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cadangan penempatan persendirian sehingga 226.7 juta Saham Penempatan baharu, mewakili kira-kira 30% daripada jumlah saham syarikat yang diterbitkan ("Cadangan Penempatan"). 2. Cadangan pengurangan modal berbayar Syarikat sehingga RM100.0 juta ("Cadangan Pengurangan Modal").

26.03.25 (Rabu) 10.00 pagi	Edaran Berhad (EGM)	Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pengurangan modal sehingga RM52 juta daripada jumlah saham Edaran Berhad yang diterbitkan, mengikut Seksyen 117 Akta Syarikat.
26.03.25 (Rabu) 10.30 pagi	Fintec Global Berhad (EGM)	<p>Fintec berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pengurangan modal sebanyak RM310 juta mengikut Seksyen 117 Akta Syarikat 2016, untuk mengimbangi kerugian terkumpul Syarikat.</p> <p>Pada masa yang sama, Syarikat ingin mendapatkan mandat pemegang saham untuk pelbagai urus niaga berulang dengan pihak berkaitan dengan syarikat pelaburannya, iaitu NetX Group, Mlabs Group dan Seacera Group. Jumlah keseluruhan urus niaga ini dianggarkan berjumlah antara RM200,000 hingga RM5 juta.</p>
27.03.25 (Khamis) 10.00 pagi	Sersol Berhad (EGM)	Syarikat bercadang untuk melaksanakan pengurangan modal yang melibatkan pemotongan dan pembatalan sejumlah RM35.50 juta daripada modal saham terbitannya. Kredit sebanyak RM35.50 juta ini akan digunakan untuk mengimbangi kerugian terkumpul.
27.03.25 (Khamis) 10.00 pagi	Bursa Malaysia Berhad (AGM)	<p>Bursa Malaysia mencatatkan pencapaian luar biasa pada tahun 2024, dengan jumlah syarikat yang memohon penyenaraian di bursa tempatan mencapai rekod tertinggi. Bilangan IPO meningkat kepada 55, dengan jumlah permodalan pasaran mencecah RM31.4 bilion, berbanding dengan 32 IPO pada tahun kewangan 2023 yang bernilai RM13.6 bilion.</p> <p>Keuntungan bersihnya melonjak 22.9% tahun ke tahun kepada RM310.1 juta, didorong oleh prestasi yang kukuh dalam pasaran Sekuriti dan Derivatif serta sumbangan daripada perniagaan data.</p>
27.03.25 (Khamis) 10.30 pagi	Eco World International Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM33 juta pada tahun kewangan 2024, merosot daripada RM105 juta dalam tahun kewangan 2023. Penurunan ini berpunca daripada serahan unit yang lebih sedikit daripada projek di Australia. Sementara itu, margin keuntungan kasar

		<p>menyusut kepada 13% dalam tahun kewangan 2024 berbanding 17% dalam tahun kewangan 2023, disebabkan oleh diskaun tambahan yang diberikan kepada pembeli projek di Australia bagi mendorong jualan. Langkah ini membolehkan Kumpulan menjimatkan kos pegangan serta memperoleh pendapatan faedah yang lebih tinggi daripada hasil jualan.</p> <p>Setakat 31 Oktober 2024, Kumpulan telah berjaya mengurangkan nilai stok siap yang belum terjual kepada RM290 juta, dengan bahagian efektif Kumpulan berjumlah RM210 juta.</p>
27.03.25 (Khamis) 10.30 pagi	Yinson Holdings Berhad (EGM)	<p>Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) ini diadakan bagi mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk Cadangan Penerbitan oleh Yinson Production Offshore Holdings Ltd ("YPOHL"), anak syarikat milik penuh secara tidak langsung Yinson Holdings Berhad. Cadangan ini melibatkan penerbitan 1,000,000 Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus (<i>redeemable convertible preference shares, RCPS</i>) dengan jumlah langganan keseluruhan sebanyak USD1.0 bilion, serta 1,000,000 Waran, dengan kadar satu waran untuk setiap satu RCPS yang diterbitkan.</p> <p>Selain itu, tertakluk pada persetujuan antara YPOHL dan pelabur, YPOHL boleh menambah jumlah RCPS yang diterbitkan kepada USD1.5 bilion melalui penerbitan tambahan sebanyak USD0.50 bilion RCPS yang tidak mempunyai hak kepada waran.</p>

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diajukan
CAB Cakaran Corporation Berhad (AGM)	<p>Sumber pendapatan Kumpulan daripada pelanggan luar (sumber: Halaman 185, Laporan Tahunan 2024):</p> <p>a) Mengapa sumbangan pendapatan dari Jepun kian merosot daripada RM2.20 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 kepada RM1.64 juta? Adakah Kumpulan kehilangan sebahagian daripada pelanggan Jepunnya pada tahun kewangan 2024?</p>

	<p>b) Kebelakangan ini, wabak selesema burung melanda ladang-ladang di Jepun menyebabkan jutaan ayam dilupuskan. Adakah situasi ini membuka peluang kepada Kumpulan untuk meningkatkan eksportnya ke Jepun? Sejauh manakah Kumpulan mengalami peningkatan dalam permintaan terhadap produknya setakat ini?</p> <p>c) Sumbangan pendapatan dari Hong Kong mencecah RM3.32 juta (tahun kewangan berakhir 2023: Tiada). Apakah produk utama yang dijual ke Hong Kong? Adakah sumbangan pendapatan ini mampu dikekalkan pada masa akan datang? Adakah Kumpulan mempunyai kontrak jangka panjang untuk membekalkan produknya kepada pelanggan di Hong Kong?</p>
Axiata Group Berhad (EGM)	<p>1. <i>Pada masa ini, terdapat empat pengendali rangkaian mudah alih utama (mobile network operators, MNO) di Indonesia. Telkomsel merupakan syarikat terbesar yang mempunyai bilangan pelanggan tertinggi serta menikmati pendapatan, margin EBITDA dan margin pendapatan bersih yang paling kukuh. Penyatuan antara Indosat dan Hutchison pada tahun 2022 telah mewujudkan Indosat Ooredoo Hutchinson (IOH), yang kini menjadi pemain kedua terbesar dalam pasaran.</i> (Halaman 18, Pekeliling)</p> <p>Memandangkan pasaran telekomunikasi Indonesia sangat kompetitif, bagaimanakah MergeCo merancang untuk bersaing dengan pemain utama seperti Telkomsel dan IOH?</p> <p>2. Pasaran mudah alih Indonesia didominasi oleh pelanggan prabayar dan mengalami kadar tukar ganti pelanggan (<i>churn rate</i>) yang tinggi. Hal ini menyukarkan pertumbuhan purata pendapatan daripada setiap pengguna (<i>average revenue per user, ARPU</i>). Walaupun Cadangan Penggabungan ini dapat menyokong pembangunan rangkaian 5G, ia tetap memerlukan pelaburan modal yang besar. Dengan cabaran ini, apakah strategi MergeCo untuk mencapai keuntungan, pada masa yang sama memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan 5G yang semakin meningkat?</p>
Wong Engineering Corporation Berhad (AGM)	<p>1. <i>"Sebagai sebahagian daripada rancangan jangka panjang untuk mengurangkan pergantungan pada sektor pembuatan yang bersifat kompetitif dan kitaran, kami telah menceburি bidang pembinaan dan pembangunan harta tanah. Strategi ini telah mempelbagaikan serta meluaskan aliran pendapatan Kumpulan dalam usaha mencapai pertumbuhan serta</i></p>

	<p><i>meningkatkan nilai kepada pemegang saham.</i>" (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Memandangkan WEC merupakan pemain baharu dalam sektor pembangunan harta tanah, bagaimanakah Syarikat merancang untuk menonjol dalam pasaran yang sudah dikuasai oleh pemain mapan? Apakah nilai unik, bidang khusus atau kerjasama strategik yang akan dimanfaatkan oleh Syarikat bagi memperoleh kelebihan daya saing serta memastikan keuntungan yang mampan dalam sektor ini?</p> <p>2. Syarikat memiliki 35% pegangan dalam syarikat bersekutu yang mengalami kerugian, Broadway Lifestyle Sdn Bhd (BLSB), yang terlibat dalam pembinaan dan pembangunan harta tanah. Sepanjang tiga tahun kewangan yang lalu, BLSB mencatatkan kerugian berturut-turut sebanyak RM4.27 juta, RM5.32 juta dan RM4.56 juta.</p> <p>a) Memandangkan ketidaktentuan yang wujud dalam sektor pembinaan dan harta tanah, apakah langkah pengurusan risiko yang diambil oleh Syarikat untuk melindungi pelaburannya?</p> <p>b) Bagaimanakah Syarikat mempengaruhi proses membuat keputusan dalam syarikat bersekutu ini? Sejauh manakah penglibatan Syarikat dalam aspek kewangan dan operasi bagi memastikan prestasi yang lebih baik?</p>
Mynews Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Kapasiti Pengeluaran Hab Makanan Jepun (<i>Japanese Food Hub, JFH</i>)</p> <p>Jumlah pengeluaran JFH semakin meningkat, namun prestasinya masih banyak bergantung pada jualan makanan segar di rangkaian kedai runcitnya. Bagaimanapun, masih terdapat peluang untuk JFH menembusi pasaran dengan lebih meluas dan meningkatkan prestasi (Halaman 14, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah kadar penggunaan kapasiti pengeluaran JFH ketika ini?</p> <p>b) Mengapa dan bagaimanakah prestasi JFH banyak bergantung pada jualan makanan segar di kedai runcitnya?</p>

	<p>c) Bagaimanakah prestasi JFH ketika ini? Adakah ia sudah mencatatkan keuntungan? Jika belum, bilakah dijangka mencapai keuntungan?</p> <p>2. Prestasi Perniagaan CU Concept</p> <p>Kos buruh dan bahan mentah yang semakin meningkat, ditambah pula dengan tekanan inflasi dan kenaikan perbelanjaan operasi lain, menyebabkan perniagaan CU Concept terus mencatatkan kerugian. Namun, kerugian ini semakin berkurangan dari tahun ke tahun. (Halaman 14, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Adakah CU Concept lebih terkesan dengan kenaikan kos buruh dan bahan mentah, yang ditambah dengan tekanan inflasi serta peningkatan perbelanjaan operasi lain, berbanding dengan segmen perniagaan lain dalam Kumpulan? Jika ya, apakah sebabnya?</p> <p>b) Bilakah perniagaan CU Concept dijangka kembali mencatatkan keuntungan?</p>
Dataprep Holdings Berhad (EGM)	<p>1. Dalam tempoh lima tahun yang lalu, Dataprep telah melaksanakan penempatan saham persendirian sebanyak tiga kali, dengan menerbitkan 250,715,993 saham dan mengumpulkan sejumlah RM95.14 juta. Penempatan ini telah menyebabkan pencairan yang ketara terhadap kepentingan pemegang saham minoriti. Cadangan Penempatan terbaru turut menimbulkan kebimbangan kerana Dataprep merancang untuk menggunakan RM10 juta daripada hasil tersebut untuk membiayai projek yang diperoleh, sedangkan sumber kewangan Kumpulan semakin susut dengan hanya RM2.1 juta tunai dilaporkan setakat 31 Disember 2024. Situasi ini menimbulkan persoalan tentang keupayaan Syarikat untuk menampung kos projek dan operasinya yang masih berterusan. (Halaman 5 & 11, Pekeliling)</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah merancang untuk menangani kerugian Kumpulan yang berterusan sejak 2008, yang menyebabkankekangan sumber kewangan? Apakah strategi yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan pergantungan pada pelaksanaan penempatan saham bagi mendapatkan dana tambahan?</p> <p>2. Kumpulan telah menghantar 35 tender bernilai kira-kira RM1.0 bilion, tetapi setakat ini hanya dua projek bernilai</p>

	<p>RM3.8 juta sedang dalam perbincangan lanjut dengan pelanggan berpotensi. (Halaman 6, Pekeliling)</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Apakah kadar kejayaan tender Kumpulan dalam tempoh dua tahun terakhir? b) Apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap risiko kelangsungan perniagaan sekiranya Kumpulan gagal memperoleh projek baharu, memandangkan tempahan yang belum dibilang hanya bernilai RM10.46 juta?
Fintec Global Berhad (EGM)	<p>Cadangan Mandat Pemegang Saham Baharu untuk Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan, yang Bersifat Pendapatan atau Perdagangan (Cadangan RRPT)</p> <p>Butiran urus niaga Cadangan RRPT oleh Fintec dengan pihak berkaitan dinyatakan dalam halaman B-7 hingga B-9, Pekeliling bertarikh 21 Februari 2025. Fintec memiliki pegangan saham dalam NetX Group (20.68%), Mlabs Group (4.67%) dan Seacera Group (24.65%).</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berhubung Cadangan RRPT dengan NetX Group bagi menyediakan penyelesaian <i>turnkey</i> dalam infrastruktur rangkaian dan perkhidmatan lain, apakah aktiviti utama Fintec Group yang memerlukan perkhidmatan sokongan daripada NetX Group, seperti yang dinyatakan dalam halaman B-3 dan B-4 Pekeliling? b) Selain itu, apakah bentuk aktiviti pengiklanan, pemasaran dan promosi yang ingin dijalankan oleh Fintec bersama dengan NetX Group? Bagaimanakah operasi utama Kumpulan Fintec memanfaatkan aktiviti ini yang disediakan oleh NetX Group? b) Merujuk Cadangan RRPT dengan Mlabs Group, apakah rasional di sebalik cadangan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk urus niaga yang dianggarkan berjumlah RM5 juta, yang jauh lebih tinggi berbanding dengan nilai urus niaga sebenar yang dibuat setakat ini? c) Selain itu, apakah aktiviti utama Kumpulan yang mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang diberikan dalam urus niaga ini? c) Untuk Cadangan RRPT dengan Seacera Group yang melibatkan penyediaan perkhidmatan berkaitan pembinaan dengan nilai urus niaga dianggarkan berjumlah

	<p>RM5 juta, apakah projek pembinaan atau penyelenggaraan yang dicadangkan untuk dilaksanakan oleh Fintec?</p> <p>d) Fintec merancang untuk membeli sarung tangan dan produk pembungkusan yang berkaitan daripada Seacera Group dan pada masa yang sama turut menjual sarung tangan nitril kepada syarikat itu.</p> <p>Apakah jenis sarung tangan yang akan dibeli daripada Seacera dan apakah justifikasi di sebalik keputusan ini?</p>
Bursa Malaysia Berhad (AGM)	<p>Operasi Subsidiari Pengawalseliaan (RegSub) masih tertangguh kerana menunggu kelulusan undang-undang dan peraturan berkaitan.</p> <p>Sementara itu, Bursa Malaysia telah menujuhkan Jawatankuasa Pengawalseliaan yang merangkumi Jawatankuasa Konflik dan Kawal Selia (<i>Regulatory and Conflicts Committee</i>, RACC), Jawatankuasa Penyenaraian, Jawatankuasa Peserta Pasaran dan Jawatankuasa Rayuan bagi menangani isu pengawalseliaan serta memastikan Bursa Malaysia menjalankan tanggungjawabnya untuk melindungi kepentingan awam.</p> <p>Dalam laporan Asean Chapter, CG Watch 2023 yang diterbitkan pada Jun 2024 oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (<i>Asian Corporate Governance Association</i>, ACGA), skor Bursa Malaysia dalam aspek tadbir urus korporat (CG) dikekalkan dan tidak dinaikkan kerana kelewatan pelancaran RegSub. Hal ini menunjukkan keimbangan ACGA terhadap kemajuan dan pelaksanaan RegSub.</p> <p>Sila maklumkan perkembangan terkini tentang jangkaan jangka masa pelaksanaan RegSub. Apakah cabaran utama atau kekangan pengawalseliaan yang menyebabkan kelewatan ini? Bagaimanakah Bursa Malaysia menangani keimbangan ACGA berhubung pembaharuan tadbir urus korporat serta kebebasan fungsi pengawalseliaan?</p>
Eco World International Berhad (AGM)	<p>Memandangkan keadaan pasaran yang mencabar, Kumpulan membuat keputusan untuk tidak meneruskan pelancaran baharu pada tahun kewangan 2024. Projek yang fasa pelancarannya masih tertangguh termasuk Kew Bridge, Oxbow, Tesco Barking, Woking dan Macquarie Park. (Halaman 9 & 13, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Dengan keputusan untuk menangguhkan pelancaran pada tahun kewangan 2024, apakah kemungkinan fasa yang</p>

	<p>tertangguh ini (Kew Bridge, Oxbow, dll.) akan dilancarkan pada tahun kewangan 2025?</p> <p>b) Sila berikan pecahan baki tanah simpanan serta anggaran Nilai Pembangunan Kasar (<i>gross development value</i>, GDV) bagi fasa yang belum dilancarkan untuk Kew Bridge, Oxbow, Tesco Barking, Woking dan Macquarie Park.</p> <p>c) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk kekal berdaya saing dalam projek-projek ini sekiranya keadaan pasaran masih perlahan pada tahun kewangan 2025? Adakah terdapat perancangan untuk mengubah saiz unit, penetapan harga atau kemudahan yang ditawarkan?</p>
--	---

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.